



جياتن كحاكيمن شرعية هليسيا
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5
Takwim : 5 Zulkaedah 1421
Tarikh : 29 Januari 2001

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

Arahan Amalan No. 10 Tahun 2001

Pengumpulan Kes-Kes Untuk Jurnal Hukum

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.2/2000 pada 9-11 Oktober 2000 di Melaka dan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie kali ke 17 di Labuan 27 Oktober 2000 bersamaan dengan 26 Rejab 1421 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerimapakai arahan berhubung pengumpulan kes-kes untuk Jurnal Hukum.

2. Ketua Pendaftar/ Pendaftar hendaklah membuat semakan dari masa ke semasa dan memilih kes-kes yang berkualiti dan mengemukakan sekurang-kurangnya 3 kes pada setiap bulan kepada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dengan ditujukan kepada Pendaftar, kes-kes yang melibatkan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah. Keutamaan juga diberikan kepada kes-kes Rayuan jika ada. Arahan ini juga berkaitan dengan Arahan Amalan No. 3 Tahun 2000. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

(Dato' Sheikh Ghazali Bin Hj. Ab. Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Kuala Lumpur
2 Januari 2001